

Headline	Isu pinjaman kediaman B40, M40 dalam RMKe-12		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Sep 2020	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	44	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	334 cm ²
Journalist	Alzahrin Alias	AdValue	RM 5,652
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,957



Isu pinjaman kediaman B40, M40 dalam RMKe-12

Langkah bantu golongan sasaran miliki rumah

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kesukaran mendapatkan pinjaman perumahan dalam kalangan golongan B40 dan M40 akan menjadi isu utama yang akan dibawa oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata kekangan yang dihadapi kebanyakan pembeli ketika ini adalah dalam mendapatkan pinjaman dari bank, lantaran itu pihaknya bersama dengan peserta industri akan terus memainkan peranan dan menjalankan perbincangan bersama

pihak bank dan kerajaan.

Beliau berkata, kementeriannya turut merangka beberapa langkah yang akan dimasukkan ke dalam RMKe-12 seperti pelaksanaan skim sasaran untuk golongan B40 dan M40.

Langkah itu, katanya, adalah perancangan kementerian dalam memberikan penyelesaian kepada pemilikan rumah terhadap golongan sasaran.

“Ketika ini masih ramai yang tidak memiliki rumah kerana syarat kelulusan pinjaman dari bank. Kementerian juga memikirkan beberapa inisiatif lain seperti sewaan rumah dan boleh beli jika berkemampuan.

“Selain itu, kementerian juga sedang membangunkan satu sistem data besar yang mempunyai maklumat menyeluruh bagi memudahkan bank, pemaaju dan pembeli.

“Sistem itu akan menjadi rujukan semua pihak dalam mengetahui kehendak pembeli, harga rumah, lokasi dan kemampuan pinjaman,” katanya selepas merasmikan National Housing

and Property Summit 2020 anjuran Institut Strategi KSI untuk Asia Pasifik di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, sistem data besar itu dijangka siap akhir tahun ini dan sedia untuk diguna pakai bermula 2021.

Beliau berkata, pihak bank juga disarankan untuk melaksanakan langkah baharu dan mengenal pasti kemampuan terkini pembeli pasca pandemik COVID-19 ini.

“Ramai kalangan pembeli kini kehilangan pekerjaan, selain menjalankan dua atau tiga pekerjaan dalam satu masa. Macam mana kita nak masukkan pekerjaan kedua dan ketiga ini dalam permohonan pinjaman.

“Bank juga perlu longgarkan syarat sedia ada dan ikut perkembangan peminjam ketika ini. Saya difahamkan melalui pemaaju hartanah kelulusan pinjaman memang sangat rendah.

“Semua pihak juga perlu memikirkan kaedah lain seperti sewaan. Jika pembayaran sewaan

itu konsisten setiap bulan, ia boleh dijadikan sebagai rujukan dalam kelulusan pinjaman,” katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Eksekutif Kanan SP Setia Bhd, Datuk Koe Peng Kang, berkata pihaknya berhadapan dengan kelulusan pinjaman yang rendah dalam kalangan pembeli kediamannya.

Beliau berkata, bank perlu melihat kembali syarat pinjaman dan tidak hanya menggunakan pendapatan bulanan peminjam sebagai syarat utama semata-mata.

“Pendapatan atau gaji pembeli ini boleh berkembang dan kebanyakan kini mempunyai pekerjaan sampingan lain. Bank juga perlu melihat kepada kredibiliti pemaaju sebagai sokongan kepada kelulusan pinjaman.

“Ketika ini pasaran hartanah mungkin tidak stabil, tetapi saya menjangkakan pada tahun hadapan apabila vaksin COVID-19 berada di pasaran, permintaan dan bekalan akan kembali seimbang,” katanya.